

12 AUG 2001

UMNO TIDAK TERLIBAT DALAM PILIHAN RAYA SARAWAK, KATA ABDULLAH

KAJANG, 12 Ogos (Bernama) -- Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata UMNO tidak terlibat dalam pilihan raya negeri Sarawak dan sesiapa yang mendakwa mewakili parti itu telah membuat pembohongan.

"Saya ingin beritahu bahawa UMNO tidak terlibat dalam pilihan raya di Sarawak nanti kerana UMNO tidak bergerak di Sarawak dan dengan itu siapa yang membuat dakwaan sebagai wakil Umno telah buat satu pembohongan," katanya.

Abdullah, yang juga Timbalan Perdana Menteri berkata demikian kepada pemberita selepas menutup bengkel empat hari mengenai Industri Perhutanan Berasaskan Ilmu, anjuran bersama Universiti Putra Malaysia (UPM) dan pejabat Timbalan Perdana Menteri di sini.

"...harap mereka berhenti dari membuat apa kenyataan dan pengakuan yang menghubungkan mereka dengan UMNO," katanya.

Abdullah berkata presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah awal lagi mengatakan bahawa UMNO tidak terlibat pada pilihan raya negeri di Sarawak.

-- BERNAMA.

HK HK MOZ